

**KONSEP KETERASINGAN BUDAYA: SUATU
PERBANDINGAN PEMIKIRAN ANTARA FRANTZ
FANON DAN ALI SHARIATI DI ALGERIA DAN
IRAN (1954-1977)**



**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2023**

**KONSEP KETERASINGAN BUDAYA: SUATU
PERBANDINGAN PEMIKIRAN ANTARA FRANTZ
FANON DAN ALI SHARIATI DI ALGERIA DAN
IRAN (1954-1977)**

NORFARAHANI BINTI ROSMAN



**TESISINI DISERAHKAN UNTUK MEMENUHI
SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA
SASTERA**

**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2023**

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

JUDUL : **KONSEP KETERASINGAN BUDAYA: SUATU PERBANDINGAN PEMIKIRAN ANTARA FRANTZ FANON DAN ALI SHARIATI DI ALGERIA DAN IRAN (1954-1977)**

IJAZAH : **SARJANA SASTERA**

BIDANG : **SEJARAH**

Saya **NORFARAHANI BINTI ROSMAN**, Sesi **2017-2023**, mengaku membenarkan tesis Sarjana ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/):



(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA 1972)



(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)



TIDAK TERHAD

Disahkan Oleh,

A handwritten signature in black ink.

**NORFARAHANI ROSMAN
MA1711145T**

ANITA BINTI ARSAD
PUSTAKAWAN KANAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

(Tandatangan Pustakawan)

Tarikh : Oktober 2023

(Dr. Mohamad Shaukhi
bin Mohamad Radzi)
Penyelia Utama


PENGAKUAN

Kajian ini merupakan hasil kerja saya sendiri kecuali petikan, ringkasan, dan rujukan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

06 Jun 2023



Norfarahani binti Rosman
MA1711145T



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN

NAMA : NORFARAHANI BINTI ROSMAN
NO. MATRIK : MA1711145T
TAJUK : KONSEP KETERASINGAN BUDAYA MENURUT
FRANTZ FANON DAN ALI SHARIATI DI ALGERIA
DAN IRAN (1954-1977)
IJAZAH : SARJANA SASTERA SEJARAH
TARIKH VIVA : 06 JUN 2023



PENYELIA BERSAMA
DR. MAT ZIN MAT KIB

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan buat penyelia, Dr. Mohamad Shaukhi atas nasihat, bantuan dan perkongsian ilmu sepanjang tempoh pengajian saya di Universiti Malaysia Sabah. Cadangan, saranan dan sokongan yang dicurahkan kepada saya sepanjang penyeliaan tahun ijazah pertama dan kini ijazah sarjana akan terus tersemat dalam ingatan sepanjang hayat. Terima kasih juga buat barisan para pensyarah program Sejarah atas jasa ilmu yang dicurahkan sepanjang pengajian saya di peringkat Sarjana. Khusus buat Dr. Eko Prayitno Joko, terima kasih atas kepercayaan Dr. kepada saya dari awal pengajian ijazah pertama sehingga kini. Buat Dr. Nordi Achie yang sudi menitipkan sebuah pesan dan menyusun ruang bagi mengasah kemahiran saya untuk melontarkan tulisan-tulisan kritis, terima kasih. Ucapan terima kasih juga wajib diberikan kepada barisan pegawai fakulti dan Pusat Pascasiswazah UMS atas bantuan dan sokongan terhadap kajian saya. Tidak lupa juga kepada rakan penulis, penerbit dan penjual buku kerana sudi membantu dari segi kupasan idea, rencana minda dan limpahan sumber semasa tempoh pengumpulan maklumat. Khusus kepada Benz Ali, Raja Ahmad Aminullah dan Pak Zin, terima kasih kerana setia mengungkapkan idea-idea Ali Shariati dan Frantz Fanon sehingga mencetus inspirasi awal ke arah pengkajian saya sendiri terhadap tokoh pascakolonial ini. Khusus untuk rakan penulis dan penerbit, Rahman Imuda dan Kiridaren Jayakumar kerana sudi memberi ruang dalam industri media dan perbukuan bagi menampung kehidupan saya sepanjang tahun-tahun pengajian ini. Turut dititipkan kasih buat ibu bapa, Rosman Haris dan Norhayatie Alizaman serta keluarga pengkaji kerana terus sabar dan masih terus percaya dengan kebolehan dan keupayaan pengkaji untuk menyiapkan tesis ini bertahun-tahun lamanya. Untuk sahabat dan komrad-komrad seperjuangan, hanya Tuhan yang dapat membala segala budi dan ihsan yang kalian curahkan kepada saya. Tanpa bantuan nasihat dan tunjuk ajar kalian, saya mungkin tidak akan sampai dengan jayanya ke garisan penamat peringkat Sarjana ini. Belasungkawa buat sahabat yang telah pergi semasa proses kajian ini berlangsung; Nor Akma Diana dan Nurulhuda Zaaba, moga kalian berada dalam kalangan terbaik di sisi Tuhan.

NORFARAHANI BINTI ROSMAN

06 Jun 2023

ABSTRAK

Kajian ini memfokuskan perihal konsep keterasingan budaya menurut pemikiran Frantz Fanon dan Ali Shariati di Algeria dan Iran antara tahun 1925 hingga 1977. Isu keterasingan budaya merupakan salah satu kesan imperialisme budaya Eropah selepas pertapakan Perancis di Algeria dan British di Iran. Dalam konteks sejarah, polisi-polisi yang ditekankan dalam sistem pentadbiran peribumi Algeria dan Iran oleh Eropah telah mengubah sikap, gaya pemikiran dan pembentukan identiti peribumi kedua-dua negara. Objektif kajian ini membahaskan konsep keterasingan budaya di antara kedua-dua tokoh, menganalisis isu keterasingan budaya di kedua-dua kawasan kajian dan juga reaksi masyarakat ke atas negara-negara tersebut. Walaupun berhadapan dengan isu yang sama, pandangan dan strategi yang direncanakan berbeza antara satu sama lain. Hal ini dapat ditinjau dari pandangan Fanon yang lebih keras, radikal dan sekular berbanding pandangan Ali Shariati yang lebih lunak dan bersifat Islamik. Namun begitu, pandangan dan pendekatan mereka tetap diterima ramai sehingga mempengaruhi perkembangan gerakan nasionalis di kedua-dua negara. Kajian ini menggunakan pendekatan disiplin ilmu Sejarah, menerusi kaedah kualitatif dengan membuat analisis tekstual terhadap karya-karya Ali Shariati dan Frantz Fanon, serta analisis deskriptif terhadap sumber primer lain dan sekunder. Di samping itu, ilmu bantu seperti disiplin psikologi, sosiologi dan politik juga digunakan agar penulisan tesis ini lebih komprehensif. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa campur tangan Eropah ke dalam sistem politik secara tidak langsung turut mempengaruhi sikap dan identiti peribumi sehingga membawa kepada fenomena keterasingan budaya. Akibatnya, hal ini memberi ruang kepada tindak balas peribumi untuk menentang Eropah dan melahirkan gerakan-gerakan nasionalisme sepanjang tahun Revolusi Algeria pada 1954 dan membabitkan Revolusi Iran pada 1977. Dari perspektif disiplin sejarah, metodologi dan penemuan kajian boleh digunakan dalam kajian karya pemikiran pascakolonial serta memahami kepentingan dinamik kekuasaan dalam struktur dan konteks penjajahan.

Kata Kunci:Keterasingan Budaya, Imperialisme, Frantz Fanon, Ali Shariati, Nasionalisme.

ABSTRACT

THE CONCEPT OF CULTURAL ALIENATION: A COMPARISON OF THOUGHTS BETWEEN FRANTZ FANON AND ALI SHARIATI IN ALGERIA AND IRAN (1954- 1977)

This study focuses on the concept of cultural isolation according to the thinking of Frantz Fanon and Ali Shariati in Algeria and Iran between 1954 and 1977. The issue of cultural alienation was one of the effects of European cultural imperialism after the French base in Algeria and the British in Iran. In the historical context, the policies emphasized in the indigenous administrative system of Algeria and Iran by Europe have changed the attitude, style of thinking and the formation of the indigenous identity of the two countries. The objective of this study is to discuss about the concept of cultural alienation between the two figures, analyze the issue of cultural alienation in both countries, and also the community's reaction to towards the topics. Even when faced with the same issue, the planned views and strategies differ from each other. This can be seen from Fanon's harsher, radical and secular views than Ali Shariati's more lenient and Islamic views. However, their views and approaches remain widely accepted, influencing the development of nationalist movements in both countries. This study uses the approach of historical disciplines, using qualitative method by making textual analysis of the works of Ali Shariati and Frantz Fanon, as well as descriptive analysis of other primary and secondary sources. In addition, auxiliary sciences such as psychology, sociology and politics are also used to make the writing of this thesis more comprehensive. The findings showed that European intervention into the political system indirectly influenced indigenous attitudes and identities, leading to the phenomenon of cultural alienation. As a result, this made room for an indigenous response against Europe and spawned nationalism movements throughout the year of the Algerian Revolution in 1954 and the Iranian Revolution in 1977. From the perspective of historical disciplines, the methodology and findings of the study can be used in the study of postcolonial thinking works as well as understanding the importance of the dynamics of power in the structure and context of colonization.

Keywords: Cultural Alienation, Imperialism, Frantz Fanon, Ali Shariati, Nationalism.

SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
TAJUK	ii
PENGAKUAN	iii
PENGESAHAN	iv
PENGHARGAAN	v
ABSTRAK	vi
ABSTRACT	vii
SENARAI KANDUNGAN	x
SENARAI FOTO	xi
SENARAI PETA	xii
SENARAI SINGKATAN	xiii
SENARAI LAMPIRAN	xiii

BAB 1 : PENGENALAN

1.1 Latar Belakang Kajian	1
1.2 Permasalahan Kajian	2
1.3 Objektif Kajian	3
1.4 Kepentingan Kajian	4
1.5 Metodologi Kajian	6
1.6 Sorotan Literatur	9
1.7 Skop Kajian	20
1.8 Pembahagian Bab	22
1.9 Kesimpulan	23



UMS
UNIVERSITI
MALAYSIA SABAH

BAB2: KONSEP KETERASINGAN BUDAYA DAN LATAR BELAKANG FRANTZ FANON DAN ALI SHARIATI

2.1 Pengenalan	24
2.2 Pendefinisian Budaya: Suatu Kepelbagaian Makna	24
2.3 Daripada Idea Keterasingan Kepada Keterasingan Budaya: Suatu Genealogi Sejarah	26
2.3.1 Asas Perkembangan Idea 'Keterasingan' Hingga 'Keterasingan Budaya'	26
2.3.2 Perbandingan Konsep Keterasingan Budaya Fanon dan Ali Shariati	35
2.3.3 Ciri-Ciri Keterasingan Budaya	36
2.4 Imperialisme dan Penjelmaan Idea Keterasingan Budaya	48
2.4.1 Sejarah Kolonialisme Perancis di Martinique dan Algeria Sehingga 1900	48
2.4.2 Sejarah Pengalaman Imperialisme di Iran	56
2.5 Franz Fanon: Latar Sejarah, Perjuangan Politik dan Idea Keterasingan Budaya	60
2.6 Ali Shariati: Latar Sejarah, Perjuangan Politik dan Idea Keterasingan Budaya	69

2.7	Ciri-Ciri Perjuangan Politik Ali Shariati di Perancis dan Iran	73
2.8	Perbandingan Konsep Keterasingan Budaya Frantz Fanon dan Ali Shariati	76
2.9	Kesimpulan	79

BAB 3: PANDANGAN FRANTZ FANON DAN ALI SHARIATI TERHADAP ISU KETERASINGAN BUDAYA

3.1	Pengenalan	81
3.2	Pandangan Fanon terhadap Perubahan Budaya Peribumi	81
3.2.1	Dominasi Kekuasaan Elit Borjuis berkepentingan	82
3.2.2	Kewajaran Pemisahan Agama dan Sejarah dalam Pembentukan Budaya Masyarakat	87
3.2.3	Persoalan Wanita dan Kedudukannya	94
3.3	Pandangan Ali Shariati Terhadap Perubahan Budaya Peribumi	96
3.3.1	Kegagalan Golongan Intelektual dan Pemimpin Agama	96
3.3.2	Kewajaran Penyatuan Agama dan Sejarah Dalam Pembentukan Budaya Masyarakat	101
3.3.3	Persoalan Wanita dan Kedudukannya	103
3.4	Perbandingan Pandangan Fanon dan Ali Syariati Terhadap Perubahan Budaya Peribumi	106
3.4.1	Kewujudan Kelas-Kelas Sosial Baharu	107
3.4.2	Persoalan Agama dan Sejarah dalam Budaya	111
3.4.3	Wanita Sebagai Tonggak Budaya	114
3.5	Hubungkait Perbandingan Dengan Konsep Keterasingan Budaya	115
3.5.1	Krisis Identiti Sosial	116
3.5.2	Identiti Utiliti	122
3.5.3	Identiti Wanita Dalam Aliran Feminisme	113
3.6	Kesimpulan	125

BAB 4: PENDEKATAN FRANTZ FANON DAN ALI SHARIATI MENANGANI KETERASINGAN BUDAYA

4.1	Pengenalan	126
4.2	Pendekatan yang diambil oleh Frantz Fanon	126
4.2.1	Teori Kekerasan Fanon	130
4.2.2	Strategi Kekerasan yang Wajar menurut Fanon	134
4.2.3	Pemanipulasi Radio Sebagai Penyebar Propaganda	142
4.2.4	Falsafah Pendidikan Dekolonisasi	145
4.3	Pendekatan yang Diambil oleh Ali Shariati	147
4.3.1	Pengenalan Konsep Rausyanfikr	147
4.3.2	Konsep Idealisme Peradaban dan Kemanusiaan	157
4.3.3	Idola Wanita adalah Fatimah	163
4.3.4	Falsafah Islamisasi Pendidikan	167
4.4	Perbandingan Pendekatan Fanon dan Ali Shariati	171
4.5	Kesimpulan	176

**BAB 5: REAKSI MASYARAKAT TERHADAP FRANTZ FANON
DAN ALI SHARIATI DALAM KONSEP
KETERASINGAN BUDAYA**

5.1 Pengenalan	179
5.2 Fanon dalam Gerakan FLN di Algeria	179
5.2.1 Fanon dalam Penulisan "El Moujahid" dan The Wretched of the Earth	187
5.3 Reaksi Luar Algeria terhadap Fanon	196
5.3.1 Idea Keterasingan Fanon dan Kwame Nkrumah	201
5.3.2 Fanon dan Ali Shariati di Iran	206
5.4 Reaksi dan Penerimaan Masyarakat di Iran Terhadap Ali Shariati	209
5.4.1 Kebangkitan kaum Ulama	210
5.4.2 Ali Shariati dalam Pemikiran Khomeini	214
5.4.3 Ali Shariati dalam Gerakan Politik Iran	220
5.4.4 Ali Shariati dan Writer's Association of Iran	232
5.5 Kesimpulan	236
Bab 6: KESIMPULAN	238
BIBLIOGRAFI	257



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI FOTO

	Halaman
Rajah 2.3 : Franz Fanon, Undated Photograph	61
Rajah 2.4 : Ali Shariati	70
Rajah 4.1 : Militan Wanita yang Berjuang Untuk Pembebasan Algeria	136
Rajah 5.1 : Tentera ALN (National Liberation Army)	180
Rajah 5.2 : Tentera Perancis Membunuh Militan Algeria	185
Rajah 5.3 : Kwame Nkrumah	202
Rajah 5.4 : Ayatollah Khomeini	211
Rajah 5.5 : Demonstrasi di Tehran, Iran pada 10 Disember 1978	228



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI PETA

	Halaman
Rajah 2.1 : Peta Algeria	55
Rajah 2.2 : Peta Iran	58



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI SINGKATAN

ADP	-	Azerbaijan Democrat Party
AF	-	Action Francaise
AIIOC	-	Anglo-Iranian Oil Company
AJAAS-		Association de la Jeunese Algerianne Pour I'Action Socialist
ALN	-	National Liberal Army
BMA	-	Bergelat Monnogeur Algerie
CIA	-	Central Intelligence Agency
CNRA	-	National Council of Algerian Revolution
CPP	-	Convention People's Party
CRUA	-	Revolutionary Committee of Unity and Action
ENA	-	Etoile-Nord-Africaine
FBI	-	Federal Bureau of Investigation
FEM	-	Federation des Elus Musulmans
FLN	-	Front de Liberation Nationale
ICP	-	Iran Communist Party
IFM	-	Iran Freedom Movement
IPT	-	Identity Process Theory
IWA	-	Iranian Writer Association
JP	-	Jeunesses Patriotes
MI6	-	Military Intelligence, Section 6
MTDL	-	Movement for the Triumph of Democratic Liberaties
PDF	-	Party Communiste Francais
SAVAK-		Sazman e Etelaat Va Amniat Keshvar
SIS	-	Secret Intelligence Service

SENARAI LAMPIRAN

	Halaman
Lampiran A : Dokumen U.S. Embassy Tehran, telegram to State Department, "Iran: Understanding the Shi'ite Islamic Movement," Confidential, 1978	274
Lampiran B : Transkrip Interview Norman Darbyshire	282



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Latar Belakang Kajian

Konsep keterasingan budaya telah dibangkitkan oleh Ali Shariati, seorang intelektual kiri dari Iran sebelum Revolusi Iran 1979. Terdahulunya, ia telahpun disebutkan oleh Frantz Fanon pada 1950-an, juga seorang tokoh revolutionari kiri di Algeria. Idea keterasingan budaya dibentuk pada waktu kedua-dua negara blok dunia ketiga tengah berada di ambang perjuangan membebaskan diri dari cengkaman ideologi para imperialis Eropah. Kedua-dua negara yang bergelut dengan imperialisme Eropah dan telah menjajah minda masyarakat tempatan. Golongan intelektual kedua-dua negara dilihat menghadapi krisis keterasingan budaya yang membantutkan proses kemerdekaan rakyat mereka. Kritikan-kritikan kedua-dua intelektual tersebut begitu memberi kesan kepada para intelektual peribumi dan masyarakat biasa ketika itu, sehingga berjaya memunculkan kesedaran untuk menentang pengaruh para imperialis Eropah yang lama bertapak dalam Revolusi Algeria 1954 dan Revolusi Iran 1979. Malah, keberjayaan revolusi ini bukanlah semata-mata lahir dari kritikan sosial dalam karya-karya mereka, sebaliknya Frantz Fanon dan Ali Shariati juga telah melahirkan pendekatan dan strategi terbaik dalam usaha menyelesaikan konsep keterasingan budaya¹ dalam kalangan masyarakat peribumi di Algeria dan Iran. Oleh demikian, kajian ini akan membahaskan konsep keterasingan budaya antara Frantz Fanon dan Ali Shariati.

¹ Pengkaji menggunakan istilah yang diterjemahkan oleh Prof. Ulung Shamsul Amri Baharuddin tentang istilah 'alienation' kepada 'keterasingan'. Penggunaan 'keterasingan budaya' pula pernah digunakan oleh Ros Aiza binti Mohd Mokhtar dalam (Tesis Sarjana)nya yang mengupas pemikiran Ali Shariati tentang ketamadunan. Sila lihat Shamsul Amri Baharuddin, Masyarakat Malaysia dan Alam Sosialnya, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993, hlm. xii dan Ros Aiza binti Mohd Mokhtar, Pemikiran Ali Shariati tentang Ketamadunan, Universiti Malaya: Fakulti Sastera dan Sains Sosial, (Tesis Sarjana) (Pengajian Peradaban), 2002, hlm. 163

1.2 Permasalahan Kajian

Kajian ini mengetengahkan kesan imperialism dan campur tangan British dan Perancis dalam lanskap sistem kenegaraan ke atas Algeria dan Iran sehingga melahirkan sikap masyarakat peribumi yang cenderung kepada mereka. Pertembungan budaya Eropah yang dibawa masuk ke dalam Algeria dan Iran telah mencetuskan kebangkitan para pejuang di sana. Reaksi kebangkitan ini akhirnya menyebabkan tokoh-tokoh ini meneroka krisis keterasingan budaya yang dimanifestasikan oleh sikap dan tindakan masyarakat di sana dalam menghadapi kesan imperialism. Penerokaan mereka menggariskan kerangka pendekatan masing-masing, berkongsi tujuan menangani krisis keterasingan budaya.

Hubungan pemikiran kedua-dua tokoh tersebut sudahpun lama diangkat menjadi kajian selepas kejayaan Revolusi Iran pada 1979. Revolusi Algeria, hanya sedekad sebelum itu turut menjadi perhatian para pengkaji seluruh dunia untuk memahami perjuangan kolektif masyarakat dunia ketiga dalam usaha mereka untuk menentukan masa depan mereka sendiri. Walaupun kedua-dua revolusi ini lebih dikenali sebagai suatu peristiwa bersejarah yang penuh berdarah, namun konteks sejarah dan sosiobudaya yang terhasil ketika era pra-revolusi bermula dari kedatangan para imperialis, pertapakan mereka serta perubahan struktur sosial masyarakat yang bertitik tolak daripadanya sedikit berbeza. Di Algeria, polisi asimilasi yang agresif oleh Perancis menjadi akar kepada ketidakpuashatian (discontent) kepada rakyatnya manakala di Iran pula, polisi pembaratan yang dilangsungkan oleh Shah Pahlavi ketika itu memberihkan perasaan yang sama seperti mana yang telah berlaku di Algeria. Pemikiran Fanon dan Ali Shariati banyak membincangkan perihal pergerakan masyarakat dan potensi perubahannya, dimana masalah utama masyarakat khususnya intelektual peribumi adalah sikap mereka yang dilihat keliru dengan identiti mereka. Mereka turut dilihat malu dan enggan menjadi sebahagian daripada masyarakat sekelilingnya serta lebih suka untuk menjadi sebahagian dari masyarakat imperialis. Untuk memahami fenomena mental ini, konsep keterasingan budaya telahpun dibentuk oleh Frantz Fanon dan dikembangkan lagi oleh Ali Shariati.

Oleh demikian, permasalahan utama kajian ini adalah fenomena keterasingan budaya yang dialami oleh masyarakat peribumi dalam negara-negara jajahan

imperialis. Fenomena ini dikupas berdasarkan pandangan dan pendekatan Franz Fanon dan Ali Shariati serta reaksi masyarakat terhadap gagasan fikir mereka. Konsep ini kurang diberi perhatian oleh para pengkaji lalu, khususnya dalam perbandingan pemikiran antara kedua-dua tokoh ini. Mereka berusaha mengupas konsep tersebut untuk merealisasikan kemerdekaan minda dan jiwa masyarakat Islam dari penjajahan dengan prinsip dan pendekatan yang berbeza. Frantz Fanon merupakan seorang intelektual yang berfahaman sekular (secularist) manakala Ali Shariati pula seorang intelektual-agamawan (Islamist). Frantz Fanon dilihat lebih cenderung mengambil pendekatan yang keras, sebaliknya Ali Shariati pula cenderung menggunakan pendekatan yang lunak untuk mencapai misi kesedaran yang sama. Impaknya, kedua-duanya tetap diangkat sebagai tokoh pemikir revolusi di Algeria dan Iran.

Beberapa persoalan kajian turut timbul, iaitu:

1. Apakah latar belakang dan kerangka konsep keterasingan budaya yang dimaksudkan oleh Fanon dan Ali Shariati?
2. Apakah pandangan Fanon dan Ali Shariati terhadap konsep keterasingan budaya sehingga ia difahami sebagai suatu isu kritikal yang harus ditangani?
3. Apakah strategi dan pendekatan yang difikirkan Fanon dan Ali Shariati dalam usaha menangani isu keterasingan budaya?
4. Apakah reaksi dan penerimaan masyarakat terhadap pandangan dan pendekatan Fanon di Algeria dan Ali Shariati di Iran?

1.3 Objektif Kajian

Kajian ini akan menumpukan tiga objektif yang akan mendasari haluan penulisan kajian.

Objektif pertama adalah untuk membahaskan konsep keterasingan budaya dan ketokohan Frantz Fanon dan Ali Shariati dari segi sejarah latar belakang pendidikan serta perjuangan mereka di Algeria dan Iran.

Objektif kedua adalah untuk membincangkan pandangan Frantz Fanon dan Ali Shariati terhadap konsep keterasingan budaya dan menimbangkan perbandingan pandangan mereka dalam usaha menilai konsep keterasingan budaya.

Objektif ketiga adalah untuk menelusuri pendekatan dalam menangani isu keterasingan budaya dalam kalangan masyarakat Algeria dan Iran. Sebahagian besar pendekataan yang disebutkan ini turut dilaksanakan dalam sejarah perjuangan mereka.

Objektif kajian yang terakhir adalah untuk membincangkan reaksi dan penerimaan tokoh-tokoh, gerakan alternatif dan para aktivis terhadap usaha perjuangan Frantz Fanon di Algeria dan Ali Shariati di Iran. Memandangkan kedua-dua tokoh ini meninggal dunia sebelum usaha pembebasan rakyat berjaya, gerakan alternatif dan aktivis telah banyak terpengaruh dan meneruskan cita-cita Fanon dan Ali Shariati untuk menyatukan semangat menolak kuasa Eropah.

Maka, kajian ini akan menilai idea di sebalik keterasingan budaya dalam pemikiran Frantz Fanon dan Ali Shariati, serta menganalisis titik persamaan dan perbezaan pandangan mereka dalam menyelesaikan konsep tersebut dengan pendekatan-pendekatan yang telah diambil oleh mereka.

1.4 Kepentingan Kajian

Mana-mana kajian seharusnya mempunyai kepentingan tersendiri yang mampu memberi impak kepada dunia bidang kajiannya. Oleh demikian, kajian ini turut mempunyai kepentingan tersendiri yang merasionalkan pernyataan tesis pengkaji. Kajian pemikiran membawa kepada pelbagai kepentingan dalam konteks ilmu, khususnya dalam cabang falsafah yang sangat berperanan penting dalam membentuk peristiwa sejarah, idea, dan evolusi perubahan masyarakat dari masa ke semasa. Kerana itulah, kajian yang ingin dilakukan ini sangat penting bagi meluaskan lagi penulisan dalam konteks pemikiran, khususnya bagi negara di bahagian utara benua Afrika yang banyak dipengaruhi oleh aliran pemikiran dari orang Arab dan juga Barat. Kajian ini juga sangat penting bagi mengisi kelompongan kajian dalam kajian-kajian yang sebelumnya.

Sejarah pemikiran mempunyai pelbagai kepentingan dalam disiplin ilmu sejarah dan wajar untuk diperbanyakkan jumlahnya. Hal ini dapat dilihat menerusi pelbagai perspektif, dan salah satunya adalah menerusi ‘Diverse Perspective’. Menerusi perspektif ini, tradisi keintelektualan diperkayakan oleh budaya, masyarakat dan wilayah yang berbeza dalam suatu tempoh masa yang agak lama. Menerusi usaha memperbanyakkan kajian pemikiran dalam bidang sejarah, ahli sejarah akan dapat meneroka lebih banyak perspektif, ideologi, dan pandangan dunia yang lebih luas, khususnya dalam memupuk pemahaman yang lebih inklusif tentang sejarah peradaban manusia. Maka, kepentingan-kepentingan kajian pemikiran dalam bidang sejarah juga dapat dilihat menerusi beberapa dimensi.

Kepentingan pertama ialah untuk merintis lebih banyak kajian seterusnya yang boleh memperkaya wacana pemikiran tokoh-tokoh kiri dalam sejarah perjuangan dunia negara ketiga. Kajian pemikiran tokoh-tokoh kiri masih kurang diangkat berbanding dengan kajian pemikiran tokoh-tokoh kanan walaupun masing-masing berjuang dalam ideologi yang berbeza pada waktu yang sama, dengan kepentingan utama yang sama.

Kepentingan kedua kajian ini adalah ia dapat memberi gambaran kepada pengkaji masa hadapan mengenai dinamik kekuasaan dan kepentingannya dalam pembinaan naratif baharu kajian pascakolonial negara dunia ketiga. Dinamik kekuasaan dan reaksi masyarakat peribumi menjadi antara tunjang konsep yang mendasari pemikiran tokoh dalam kajian ini, dan menyedari kepentingannya boleh menambah nilai kerangka teoritikal dan dimensi para pengkaji sejarah pemikiran.

Selain itu, kepentingan ketiga kajian ini adalah ia dapat memperlihatkan kesan tidak langsung yang terhasil dari imperialism Eropah dalam negara dunia ketiga. Kesan-kesan ini haruslah diperbaik dan lensa kolonial wajar diterbalikkan semula dalam proses memahami budaya tempatan di negara-negara terjajah.

Terakhir, kepentingan keempat kajian ini adalah ia dapat menambah himpunan rujukan terhadap bidang sejarah pemikiran untuk lingkungan pengkaji tempatan. Bidang sejarah pemikiran memiliki potensi untuk terus diperkembangkan dari semasa ke semasa.

1.5 Metodologi Kajian

Metodologi kajian yang akan digunakan dalam penulisan kajian ini boleh dibincangkan kepada dua iaitu pemilihan sumber dan pendekatan yang diambil oleh pengkaji. Namun, diperingkat asas kajian ini dilakukan atas teras abstrak dan empirikal, bertujuan untuk mengukuhkan lagi dapatan kajian khususnya mengenai analisis terhadap aspek pemikiran yang dikaji, dan juga argumentasi terhadapnya. Maka, metodologi kajian ini akan melihat terhadap abstrak kajian pemikiran bagi memudahkan pengkaji memahasi asas dan konseptual pemikiran, khususnya bagi pemikiran kedua-dua tokoh yang ingin dikaji. Abstrak dalam metodologi kajian ini merujuk kepada perwakilan konsep atau teori bagi idea, konteksm atau fenomena yang dikeluarkan daripada contoh konkrit yang tertentu. Perspektif abstrak dalam metodologi melibatkan mempertimbangkan prinsip asas, konsep asas, dan aspek yang boleh digeneralisasikan bagi topik penyelidikan, selalunya dalam kaedah yang lebih meluas dan lebih konseptual.

Abstrak dalam penyelidikan juga ialah proses memudahkan realiti yang kompleks dengan memfokuskan pada ciri penting sambil mengeneplikan butiran yang tidak berkaitan. Dalam metodologi, abstrak membolehkan penyelidik menyaring komponen teras soalan atau masalah penyelidikan, serta memudahkan pengkajian yang lebih tertumpu dan sistematik. Pendekatan ini boleh membawa kepada pembangunan model, rangka kerja, atau teori yang menangkap intipati asas subjek yang dikaji. Walaupun abstrak meningkatkan pemahaman dan pengeneralisasian, namun sangat penting untuk mencapai keseimbangan antara abstrak dan butiran konkrit yang menyediakan konteks. Ringkasnya, perspektif abstrak dalam metodologi melibatkan kepada beberapa contoh tertentu untuk meneroka prinsip, konsep dan perkaitan yang lebih meluas. Pendekatan ini menyumbang kepada pemahaman yang lebih mendalam tentang corak asas, pembangunan teori, dan keboleh generalisasian dalam penemuan penyelidikan, khususnya kajian yang tertumpu kepada aliran pemikiran.

Manakala empirikal dalam konteks metodologi pula adalah merujuk kepada pendekatan yang berdasarkan kepada beberapa kaedah seperti pemerhatian, pengalaman, dan bukti yang diperoleh daripada data atau fenomena dunia sebenar. Penyelidikan empirikal dicirikan oleh pergantungannya pada pemerhatian, pengukuran,

dan eksperimen langsung atau tidak langsung untuk mengumpul maklumat dan membuat kesimpulan. Pendekatan ini menekankan kepentingan menggunakan bukti empirikal untuk mengesahkan atau menyangkal hipotesis, teori dan dakwaan. Terdapat beberapa aspek penting bagi empirikal yang sangat penting untuk kajian ini. Antaranya seperti penyelidikan yang berasaskan kepada bukti. Penyelidikan empirikal berusaha untuk menghasilkan bukti yang menyokong atau bercanggah dengan hipotesis, atau teori. Kesimpulan dibuat daripada analisis data dan bukannya bergantung semata-mata kepada spekulasi atau gerak hati.

Begitu juga dengan objektiviti. Penyelidikan empirikal bertujuan untuk mencapai objektiviti dan kesaksamaan dalam pengumpulan dan analisis data. Penyelidik berusaha untuk meminimumkan bias dan subjektiviti untuk memastikan kebolehpercayaan dalam penemuan kajian. Dalam konteks replicability, kajian empirikal juga seharusnya boleh ditiru. Ini bermakna penyelidik lain harus dapat menghasilkan semula kajian dengan menggunakan kaedah yang sama dan memperoleh hasil yang serupa. Oleh itu, kedua-dua abstrak dan empirikal merupakan dua aspek kunci yang sangat penting untuk digunakan dalam metodologi untuk menghasilkan kajian yang ingin dilakukan ini.

Dari segi sumber, penggunaan sumber primer menjadi sumber utama kajian. Kebanyakan sumber primer yang digunakan oleh pengkaji adalah berbentuk menggunakan surat peribadi yang dicetak semula, himpunan tulisan dan artikel tokoh yang dicetak semula serta karya mereka yang telah diterjemah dan diterbit semula. Selain itu, pengkaji turut merujuk beberapa dokumen rasmi dari kerajaan Perancis yang diterbitkan pada waktu yang sama. Dokumen-dokumen rasmi ini berbentuk laporan pemerhatian terhadap situasi politik Algeria dan Iran seperti dari Archives Nationales d'outre-mer dan kerajaan Amerika iaitu dari Defense Technical Information Center (DTIC).

Salah satu sumber primer yang dirujuk ialah karya penulisan tokoh yang dipilih iaitu Frantz Fanon dan Ali Shariati. Antara karya utama Frantz Fanon yang dikaji adalah Black Skin White Mask, A Dying Colonialism, The Wretched of the Earth dan Toward African Revolution. Manakala untuk Ali Shariati, beberapa karya beliau adalah Ideologi Kaum Intelektual, Haji, Fatimah: kisah perjuangan Puteri Rasulullah, Islam Mazhab Pemikiran dan Aksi, Membangun Masa Depan Islam: Pesan untuk Para

Intelektual Muslim. Kesemua karya ini mudah didapati di simpanan Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah, kedai buku dan boleh diakses secara dalam talian. Selain itu, karya ini juga telahpun diterjemahkan dalam pelbagai bahasa lain termasuklah bahasa Inggeris dan bahasa Melayu. Ini memudahkan pengkaji memahami karya-karya mereka dengan lebih baik.

Kajian ini turut menggunakan sumber sekunder untuk menguatkan dapatan. Sumber sekunder boleh didapati daripada institusi kepustakaan di Malaysia seperti Perpustakaan Negeri Sabah, Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka serta Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah. Sumber sekunder yang disasarkan oleh pengkaji adalah berbentuk buku, tesis pelbagai peringkat ijazah dari ijazah sarjana muda hingga ijazah kedoktoran dan artikel jurnal dari pangkalan maklumat atas talian yang diakses dari kemudahan Perpustakaan UMS.

Selain itu, sumber internet juga menjadi lokasi pencarian dalam mendapatkan bahan-bahan yang tidak mudah didapati di kawasan terdekat. Lazimnya, sumber internet menjadi ruang maklumat rujukan khas untuk sumber sekunder dengan melayari beberapa laman web yang menawarkan katalog manuskrip digital seperti Archive.org, National Security Archive, Marxist.org dan Shariati.com. Misalnya, Archive.org dan National Security Archive memuatkan dokumen rasmi kerajaan Amerika Syarikat dan Perancis yang telah dinyahsulit selepas Akta Kebebasan Maklumat (FOIA) Amerika Syarikat. Marxist.org pula memuatkan koleksi tulisan golongan kiri seperti Frantz Fanon dan Ali Shariati. Manakala Shariati.com memuatkan koleksi tulisan Ali Shariati yang telah diterjemahkan dari Bahasa Parsi kepada Bahasa Inggeris.

Kajian ini turut menggunakan analisis teks ke atas sumber-sumber primer dan pendekatan kepustakaan untuk mengumpul bukti-bukti yang cukup untuk mengukuhkan tesis ini. Pengkaji akan menganalisis sumber-sumber yang dikumpul untuk memahami beberapa perkara utama dalam kajian ini seperti latar belakang tokoh, aspek epistemologi pemikiran tokoh dan konteks sejarah yang melingkari skop kajian yang telah ditetapkan. Ilmu-ilmu bantu seperti psikologi, ekonomi, sosiologi, geopolitik dan turut diaplikasikan dalam perbincangan kajian bagi memperdalamkan pemahaman terhadap pemikiran mereka.

1.6 Sorotan Literatur

Dalam sesebuah kajian, sorotan literatur diperlukan untuk mengenalpasti kelompongan kajian terdahulu untuk membina tesis kajian baharu. Oleh demikian, sorotan literatur kajian ini akan terbahagi kepada beberapa tema untuk memudahkan analisis pengkaji dalam menemukan permasalahan kajian yang ampuh.

Pengkaji telah menilai beberapa bahan rujukan utama untuk memahami latar belakang Frantz Fanon dan Ali Shariati. Dalam usaha meneliti latar belakang Frantz Fanon, beberapa rujukan utama menjadi pilihan pengkaji. David Macey menghuraikan pengalaman Fanon yang membesar dalam sebuah keluarga kelas pertengahan, dikelilingi dengan masyarakat yang masih lagi terpesona dengan budaya Perancis. Sudah pasti membesar dengan pandangan dunia sebegini, tanggapan beliau turut dipengaruhi dengan pendapat masyarakatnya hingga ketika beliau berkhidmat sebagai askar Perancis dalam Perang Dunia kedua, kemudiannya melanjutkan pelajaran di Perancis.

Diskriminasi yang dialaminya membuatkan beliau sedar dan mulai peka dengan penindasan yang dilakukan di beberapa kawasan taklukan Perancis khususnya di Algeria. Perjuangan melawan imperialis Perancis di tanah Algeria menjadi medan beliau menimba pengalaman dan pemahaman lebih lanjut mengenai kesan imperialisme. Walaupun David Macey mengangkat pengaruh Fanon sebagai tokoh penting Revolusi Algeria dan pemikiran beliau seterusnya membenihkan pembentukan organisasi kemerdekaan Organisation de la Jeunesse Anticolonialiste de la Martinique (OJAM) di tempat kelahirannya², Emmanuel Hansen yang turut menulis sejarah perjuangan Fanon dalam Frantz Fanon: Portrait of a Revolutionary Intellectual menyatakan bahawa nama beliau masih kurang terkenal di benua Afrika selain dari Algeria.

Pemikiran beliau walau bagaimanapun cuba dikaitkan oleh G.K Grohs dengan fenomena kebangkitan revolusi Afrika, dan menjelaskan perbezaan pendekatannya dengan seorang lagi tokoh Martinique, Aime Cesaire.³ Dari segi fokus kajian pula, Grohs lebih mementingkan beberapa idea utamanya berbanding perjalanan perjuangan

² David Macey, *Frantz Fanon: A Biography*, New York: Verso, 2000

³ G.K Grohs, 'Frantz Fanon and the African Revolution', *The Journal of Modern African Studies*, 6(4), 1968, hlm. 543-556